

Ahli UMNO tiada hak arah pegawai kerajaan - PM

KULIM 19 Julai - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan bahawa ahli-ahli UMNO tidak mempunyai hak untuk membuat arahan kepada pegawai-pegawai kerajaan dengan alasan mereka adalah dari parti pemerintah.

Menurut Perdana Menteri, perbuatan mengganggu pegawai-pegawai kerajaan itu boleh mengucar-kacirkan pentadbiran negara.

Berucap merasmikan sidang perwakilan UMNO bahagian Kulim/Bandar Baharu di Serdang, beliau berkata hanya pemimpin-pemimpin UMNO yang diberi tugas tertentu sahaja seperti Perdana Menteri atau ahli-ahli Exco kerajaan sahaja yang mempunyai hak untuk membuat sesuatu arahan kepada pegawai kerajaan.

Datuk Sri Dr. Mahathir yang juga Presiden UMNO menambah, ahli-ahli parti mahulah memahami peranan mereka dan menggunakannya dengan betul.

Umpamanya sesuatu tawaran melaksanakan sesebuah projek kerajaan yang dikeluarkan oleh seseorang pegawai maka pegawai berkenaan sahaja yang berhak menentukan untuk siapa yang hendak diberikan.

"Ahli-ahli politik hanya boleh menyoal

jika disyaki terdapat penyelewengan dalam pemberian tawaran berkenaan," tegasnya.

Beliau menerangkan, ahli-ahli politik tidak boleh menentukan siapakah yang harus memenangi tawaran berkenaan.

Pegawai - pegawai kerajaan juga mempunyai peraturan tertentu dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka dan tidak boleh samasekali bertindak seperti ahli politik.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, jika seseorang pegawai kerajaan itu bertindak seperti ahli politik umpamanya dengan cara memberi sesuatu peruntukan kepada kawasan yang terdapat ramai penyokongnya maka akan menimbulkan masalah kepada pemimpin UMNO di kawasan yang berkenaan.

Nanti pegawai kerajaan itu yang lebih disukai daripada pemimpin UMNOnya, jelas beliau.

Sebelum itu, beliau menasihatkan rakyat supaya mematuhi segala undang-undang dan peraturan yang ada dan jika sebilangan ramai, yang mengingkarinya akan membawa gejala yang buruk.

Perdana Menteri seterusnya memuji kepimpinan Negeri Kedah meskipun Datuk Paduka Haji Osman Aroff baru sahaja menyandang jawatan Menteri Bersarnya setelah menghadapi beberapa ujian awal.

Bagaimanapun, jelasnya kita juga tidak melupakan jasa Menteri Besar lamanya, Datuk Sri Syed Nahar Shahabuddin.

Di akhir upacara perasmian persidangan tersebut, Datuk Sri Dr. Mahathir telah dihadiahkan sebuah potret daripada pelukis Pulau Pinang, Aris Aziz yang menggambarkan beliau sedang memadu suara dengan Datin Paduka Dr. Siti Hasmah mempersembahkan lagu 'Gelora' di satu majlis di Kulim tidak lama dahulu yang disampaikan oleh ketua bahagian itu, Encik Kadir Sheikh Fadzir.